

Pengetahuan, Sikap & Amalan Pengguna Media Sosial ke atas Gangguan Seksual Siber di Lembah Klang

Knowledge, Attitudes & Practices of Social Media Users on Cyber Sexual Harassment in the Klang Valley

MUHAMMAD ADNAN PITCHAN, NORFARA FAZIERA MOH RAZALI & JAMALUDDIN AZIZ

ABSTRAK

Gangguan seksual siber adalah satu jenayah yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak kerana dengan bantuan teknologi zaman sekarang, semua individu yang berada dalam talian berpotensi untuk menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber tanpa mengira demografi seseorang. Lazimnya gangguan seksual siber bermula apabila pelaku memancing mangsa berbual perkara berunsurkan lucah dan kotor. Jenayah ini boleh memberikan impak kepada mangsa dari segi kesihatan mental. Menerima gangguan seksual siber boleh menjejaskan emosi mangsa kerana rasa takut, risau dan trauma yang mungkin mendatangkan gangguan tekanan pasca trauma yang selalunya terjadi selepas individu mengalami peristiwa yang traumatik. Pengetahuan pengguna media sosial yang baik tentang kewujudan gangguan seksual siber ini mampu memberikan pendedahan tentang isu ini kepada masyarakat umum. Selain itu, sikap serta amalan yang baik perlu dipupuk dalam kalangan pengguna media sosial untuk menangani masalah gangguan ini. Justeru kajian ini berobjektifkan untuk membincangkan pengetahuan, sikap dan amalan pengguna media sosial terhadap isu gangguan seksual siber. Kajian ini berjaya menemui bual seramai 18 orang pengguna media sosial secara berkumpulan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa para informan mempunyai pengetahuan yang baik tentang jenayah ini, malah kaum lelaki juga sering menjadi mangsa gangguan seksual siber ini. Selain itu, dapatan juga menunjukkan masyarakat harus mengelak sikap perbuatan menghukum lebih awal terhadap seseorang terutamanya kepada mangsa gangguan seksual siber. Di samping itu, kajian juga mendapati masyarakat perlu berani ke hadapan untuk membuat laporan kepada agensi yang berkaitan agar pelaku mendapat pengajaran yang cukup dan masyarakat juga akan sedar tentang kewujudan jenayah siber ini.

Kata kunci: Jenayah siber, Media sosial, Kandungan tidak senonoh, Mengancam, Lucah

ABSTRACT

Cyber sexual harassment is a crime that should be given serious attention by all parties because with the help of today's technology, all individuals who are online have the potential to be victims of cyber sexual harassment regardless of their demographics. Usually, cyber sexual harassment begins when the perpetrator lures the victim into chatting about obscene topics. This crime can have an impact on the victim in terms of mental health. Receiving cyber sexual harassment can affect the victim's emotions due to fear, worry and trauma which may cause post-traumatic stress disorder which often occurs after an individual experiences a traumatic event. Knowledge of social media users about the existence of cyber sexual harassment will be able to provide exposure about this issue to the general public. In addition, the good attitudes and practices should be fostered within online community when dealing with sexual harassment, so it can be curbed in this country. Therefore, this study aims to discuss the knowledge, attitudes and practices of social media users towards the issue of cyber sexual harassment. This study successfully interviewed a total of 18 social media users in groups using a qualitative approach. The results of the study show that the informants have a good knowledge of this crime, and even men are often victims of this cyber sexual harassment. In addition, the findings also show that the community should avoid prematurely punishing someone, especially victims of cyber sexual harassment. Besides, the study also found that the community needs to be brave enough to report to the relevant agencies so that the perpetrators can be stop and the community will also be aware of the existence of this cyber crime.

Keywords: Cyber crime, Social media, Indecent content, Menacing, Obscene

Pengenalan

Timbunan teknologi elektronik serta perkembangan media sosial di alam siber memberi impak positif, namun, perkara ini memberi kesan yang negatif kepada pengguna terutamanya golongan pelajar di universiti. Statistik daripada Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) di bawah CyberSecurity Malaysia telah menunjukkan pola gangguan dalam talian termasuk gangguan seksual telah meningkat. Pada tahun 2020, peningkatan ketara sejumlah 596 kes atau 5.5 peratus daripada keseluruhan aduan dinilai dengan tahun semasa yang mana menunjukkan peningkatan yang ketara. Manakala, statistik pada Ogos 2021, jumlah aduan gangguan seksual dalam talian ialah sebanyak 301 kes atau mewakili 9.4 peratus aduan keseluruhan. Menurut All Women's Action Society (AWAM) terdapat 18.5% aduan yang telah diterima semasa negara dilanda pandemik tahun 2020 melalui talian bantuan mereka. Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan (2021), menyatakan sebanyak 670 kes gangguan seksual siber dilaporkan pada 2017 sehingga September 2021. Sebanyak 436 kes daripada laporan berlaku di rumah manakala 234 kes lagi membabitkan tempat awam. Statistik gangguan seksual siber telah menunjukkan tren peningkatan sejak tahun 2020. Sebanyak 2,161 kes gangguan seksual membabitkan lima kesalahan iaitu, memiliki bahan lucah, mengaibkan, berkomunikasi seksual dengan kanak-kanak serta pengantunan kanak-kanak, pornografi kanak-kanak yang dilaporkan kepada polis sejak 2017. Peningkatan ketara bagi jumlah kes dilaporkan pada tahun 2020 sebanyak 269 kes berkaitan gangguan seksual siber berbanding 58 kes pada 2019. Seramai 309 mangsa terdiri daripada golongan berusia bawah 18 tahun dan selebihnya adalah mangsa berusia 18 tahun ke atas.

Menurut President Pengguna Siber Malaysia (MCCA) Sirah Jalil menyatakan pihaknya menerima beberapa aduan yang melibatkan kes mangsa lelaki yang diganggu secara seksual siber. Sebanyak 218 mangsa lelaki telah dilaporkan menerima gangguan seksual siber sepanjang 2017 sehingga 2021. Masyarakat harus mengubah persepsi bahawa jenayah gangguan seksual hanya akan melibatkan mangsa dari golongan wanita sahaja. Kaum lelaki juga tidak terkecuali dari menjadi mangsa gangguan seksual terutama di alam siber. Persepsi bahawa jenayah gangguan seksual tidak boleh terjadi kepada

kaum lelaki wujud kerana kita masih beranggapan bahawa golongan lelaki adalah kuat dari segi fizikal, emosi serta mental dalam menghadapi segala masalah berbanding dengan kaum wanita. Seperti yang telah ditakrifkan kesalahan atau gangguan seksual siber tidak semestinya bersifat fizikal, sebaliknya gangguan seksual boleh berlaku secara lisan, penghantaran kata-kata, video atau imej tidak diingini. Menurut Mohd Khairie Ahmad (2020), golongan yang dilihat rapat dan membesar dengan fenomena siber atau digital ini kurang kematangan serta pengalaman berhubung gangguan seksual. Selain itu, gangguan seksual ini juga boleh terjadi kepada pengguna yang mempunyai tahap kecekikan, literasi serta kemahiran menggunakan media sosial yang rendah. Jenayah gangguan seksual siber ini harus diberi perhatian yang serius dari semua pihak tanpa memandang kepada jantina pelaku atau mangsa yang terlibat kerana implikasinya terhadap individu dan masa depan mangsa terbabit. Kebanyakan mangsa gangguan seksual di atas talian akan merasakan diri mereka lemah dari segi mental dan emosi serta kurang keyakinan diri setelah menjadi mangsa gangguan seksual siber sehinggakan ada yang sanggup mengambil keputusan untuk membunuh dan menyakiti diri sendiri.

Selain daripada membuat jenaka lucah, terdapat juga komen-komen berbaur lucah yang sering ditinggalkan di aplikasi media sosial oleh segelintir masyarakat. Komen yang mendatangkan ketidakselesaan pengguna atau pemilik akaun akan sekaligus mengaibkan si mangsa yang menerima komen tersebut. Komen-komen ini kebiasaannya mengandungi bahasa yang merujuk kepada kemaluan, badan serta perbuatan yang lucah. Selain itu, seorang pengguna media sosial juga boleh membuat aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) apabila mendapat komen lucah ketika sedang membuat siaran langsung di Instagram miliknya sambil bersenam. Perkara yang sama berlaku kepada seorang lelaki pengguna TikTok yang memakai seluar legging ketika menunjukkan teknik bersenam dengan cara yang betul namun dia menerima komen lucah daripada pengguna aplikasi TikTok berkenan.

Meninjau kepada masalah jenayah gangguan seksual siber ialah *cyberflashing*. Menurut McGlynn (2021) *cyberflashing* ialah jenayah yang melibatkan penghantaran gambar lucah kepada orang tidak dikenali di dalam talian. Takrifan ini juga boleh dijalankan sepenuhnya melalui Airdrops, Bluetooth, aplikasi pesanan seperti contoh Whatsapp,

Wechat, Line, Snapchat serta aplikasi media sosial yang mempunyai ciri-ciri yang membenarkan pengguna untuk menghantar mesej secara pribadi kepada pengguna media sosial yang lain. Aplikasi temujanji Bumble telah membuat kempen #DigitalFlashingIsFlashing di United Kingdom. Kajian daripada firma YouGov menunjukkan 4 daripada 10 wanita millennial (41%) pernah menerima gambar lucah terutamanya gambar kemaluan tanpa kemahuan mereka (Parsons, 2021). Menurut Parsons (2021), aplikasi Bumble, menunjukkan bahawa hampir separuh (48%) daripada pengguna media sosial berumur dari 18 hingga 24 tahun menerima gangguan seksual berbentuk cyberflashing ini pada tahun 2021. Pada tahun 2022, kajian dijalankan oleh Professor Jessica Ringrose dan Hanna Retallack mendapati terdapat (76%) perempuan berumur 12 hingga 18 pernah mendapat gambar lucah daripada lelaki sebaya ataupun tidak sebaya. Perbuatan cyberflashing ini telah rasmi diangkat sebagai menyalahi undang-undang di Scotland sejak 2010. Pada tahun Mac 2022, jenayah ini juga telah menjadi kesalahan England dan Wales serta pelaku akan menerima hukuman maksimum penjara sehingga dua tahun. Menurut Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed, terdapat 134 kes membabitkan individu menerima video dan gambar lucah bukan milik mangsa untuk mengganggu mangsa pada tahun 2021.

Di Malaysia pada tahun 2017, kes yang mana Abdul Rahim Mohd Abas telah dijatuhkan hukuman penjara selama sebulan dan didenda RM 1,500 oleh Mahkamah Majistret Malaysia atas kesalahan menghantar gambar kemaluan serta ayat lucah kepada isteri orang. Seorang penghantar makanan didenda RM 10,000 selepas menghantar dan memulakan komunikasi bahan lucah menerusi Instagram. Pelaku telah didakwa mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) sama seperti Ahmad Tarmizi yang juga didakwa menggunakan perkhidmatan aplikasi Google Drive 'Rin Mon' membuat dan memulakan penghantaran komunikasi yang lucah. Selain itu, golongan penggiat seni seperti pelakon dan penyanyi juga sering mendapat gambar lucah. Pelakon Siti Haida Abd Moin atau dikenali sebagai Ieda Moin turut kerap menerima gangguan gambar dan video lucah menerusi mesej di Instagramnya. Pemilik akaun @Jack01113 telah menghantar gambar serta video lucah kemaluannya serta menghantar tangkap layar gambar milik Ieda dan anak-anak yang diambil di laman Instagramnya. Perlakuan

ini telah dilaporkan kepada pihak polis bagi tujuan seterusnya. Menurut Isa (2022), pelakon Alvin Chong turut menerima nasib yang sama yang mana dia kerap menerima gambar-gambar lucah berupa kemaluan lelaki serta wanita menerusi ruangan *Direct Message* di Instagramnya.

Terdapat banyak bentuk gangguan seksual siber yang boleh kita lihat. Kadang kala individu itu sendiri tidak sedar jika dia telah menjadi salah seorang mangsa gangguan seksual siber. Menurut MCMC pada tahun 2020 terdapat (88.7%) pengguna media sosial meningkat sebanyak (1.3%) berbanding tahun 2018 (87.4%). Sebanyak (98.7%) pengguna menggunakan telefon pintar, (37.9%) menggunakan komputer riba, netbook dan notebook diikuti dengan (16.2%) menggunakan desktop. Kajian ini juga menunjukkan bahawa (98.1%) aktiviti tertumpu kepada komunikasi teks, (93.3%) media sosial, (87.3%) menonton video, (81.1%) komunikasi suara atau video dan (74.3%) menggunakan untuk mendapat maklumat. Demografi pengguna media sosial juga terdiri daripada lelaki (54.3%) manakala wanita (45.7%). Penggunaan media sosial juga tertumpu kepada Facebook (91.7%), YouTube (80.6%), Instagram (63.1%) diikuti dengan aplikasi komunikasi WhatsApp (98.7%), Facebook Messenger (53.9%), dan Telegram (40.1%).

Menurut Ashman Adam (2022) sebanyak (35%) wanita Malaysia merasakan gangguan seksual layak dibincangkan di dalam komuniti. (22%) mendapati seksualisasi wanita dan gadis di dalam media di tahap membimbangkan manakala (17%) mendapati keganasan seksual adalah isu ketiga terbesar yang dihadapi di negara ini. Tambahan pula, menurut Norhayati & Suriati (2021), golongan wanita muda sering menjadi sasaran penjenayah untuk gangguan seksual dalam talian. Jenayah gangguan seksual siber telah menjadi isu besar di dalam kalangan masyarakat Malaysia dan media sosial memainkan peranan penting dalam menyebarkan budaya negatif ini. Perlakuan seksual masih dianggap sebagai perbuatan taboo dalam masyarakat kerana rakyat di Malaysia yang masih berpegang kepada budaya ketimuran. Pengetahuan yang tinggi di dalam masyarakat tentang isu amat penting serta literasi media yang baik juga harus diwujudkan. Selain itu, terdapat beberapa sikap dan amalan yang harus dituruti dan diamalkan oleh pengguna media sosial dalam membendung isu ini dari berleluasa sekaligus membantu membanteras jenayah dan pelaku dari terlepas sebarang hukuman. Oleh itu, kajian ini berobjektif untuk membincangkan tentang

pengetahuan, sikap dan amalan pengguna media sosial ke atas gangguan seksual siber di kawasan Lembah Klang.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Pergerakan #MeToo telah mendedahkan kesukaran dan kesan gangguan seksual di kebanyakan institusi dan organisasi, termasuk di dalam sistem akademik. Gangguan seksual secara formal ditakrifkan sebagai tingkah laku berkaitan seks yang tidak diinginkan yang dianggap sebagai menyinggung perasaan dan kesejahteraan oleh penerima dan yang melebihi sumber daya penanggulangan atau membahayakan kesejahteraan individu terbabit (Gianakos, 2022). Ini termasuk tingkah laku seksual yang tidak diinginkan, baik lisan, bukan lisan, serta tingkah laku fizikal. Jenayah gangguan seksual sudah berabad-abad lamanya, jika kita mentakrifkan gangguan seksual sebagai hubungan seksual yang tidak diinginkan yang dikenakan oleh pihak atasan ke atas orang bawahan di tempat kerja. Sebagai contoh, seksual paksaan atau *coercion sexual* adalah ciri perhambaan catel yang telah berakar umbi yang dialami oleh golongan wanita Afrika-Amerika tanpa perlindungan undang-undang. Golongan ini kerap kali menjadi mangsa gangguan seksual oleh lelaki yang berada di rumah tempat mereka bekerja.

Tidak dinafikan, dunia teknologi kini membawa perubahan kepada kehidupan manusia yang mana manusia mudah terdedah kepada ancaman siber (Intan Suria, 2021). Pada pandangan Peng, Novel, Khairuman & Zaki (2021) pula, kebanyakan penduduk Malaysia kini menggunakan platform media sosial. Namun, penggunaan media sosial telah meningkat tinggi pada era mutakhir ini turut membawa kepada jenayah siber iaitu gangguan seksual dalam talian. Menurut Fatin Adha, Mohammad Rahim & Norruzeyati (2020) remaja juga antara golongan yang boleh menjadi pelaku kepada sesuatu jenayah. Umumnya, media sosial ialah saluran yang membolehkan masyarakat berbual, berkongsi pengetahuan, gambar, video, bersosialisasi, menerima maklumat dan menyebarkan maklumat secara interaktif (Pew Research Center, 2021). Ketidak batasan media sosial pada era ini menjadikan medium yang sering digunakan oleh pengguna yang ingin melakukan gangguan seksual di alam siber. Namun pada tahun 2000, dimana kemuncak internet mula berkembang sebanyak (41%) pengguna sosial media wanita telah membuat laporan telah diganggu dengan dihantar

bahan-bahan lucah tanpa diminta, diganggu, atau diintai di Internet. Meninjau kes jenayah gangguan siber di negara Amerika Syarikat yang dikaji oleh Pew Research Center (2021) (64%) orang dewasa berumur (18 hingga 29 tahun) pernah mengalami gangguan seksual di alam siber. Sejumlah (43%) lelaki dan (38%) wanita telah bersetuju pernah menjadi mangsa gangguan seksual siber seperti diancam secara fizikal, diintai, diganggu secara seksual buat tempoh masa yang lama dan menerima mesej, video dan text yang berbaur lucah atau seksual.

Negara India yang menjadi negara kedua tertinggi di dalam isu gangguan seksual ini juga mempunyai kes jenayah gangguan seksual siber di tahap membahayakan. Menurut Parsons (2021) kajian daripada Bumble telah menunjukkan (83%) wanita telah mengalami gangguan seksual siber. Hampir (60%) wanita bersetuju gangguan seksual siber membuatkan mereka berasa tidak selamat, (48%) merasa marah dan (70%) mempercayai bahawa terdapat peningkatan di dalam kes gangguan seksual semasa tempoh pandemik Covid-19. Terdapat kes yang berlaku pada tahun 2021 di ibu kota Tamil Nadu, Chennai dimana seorang guru perdagangan dari sekolah berprestij Padma Seshadri Bala Bhavan, berusia 59 tahun dituduh melakukan gangguan seksual siber ke atas pelajar perempuan dengan menghantar kandungan yang tidak sesuai seperti gambarnya memakai tuala. Guru tersebut ditangkap pada tahun yang sama di bawah seksyen Akta Perlindungan Kanak-Kanak daripada Kesalahan Seksual, 2021 (POCSO). Susulan kes tersebut, Jabatan sekolah Tamil Nadu telah menubuhkan jawatankuasa untuk membangunkan garis panduan yang sesuai buat kelas dalam talian dan mencadangkan kod pakaian kepada pelajar dan pendidik.

Menurut Rema (2020) terdapat laman sesawang yang menyediakan perkhidmatan kesihatan konsultasi secara atas talian dan terdapat ramai doktor dan jururawat yang menjadi mangsa gangguan seksual siber seperti flashing, membuat komen lucah, beronani, berkongsi klip lucah dengan alasan ingin mendapatkan rundingan doktor. Namun, bukan sahaja pelajar atau mereka yang bekerja secara profesional menjadi mangsa, malah pelakon Meera Chopra mendapat ugutan rogol dan pelbagai komen lucah di media sosialnya ketika sedang sesi '*Question and Answer*' di Instagramnya. Menurut kajian *Mapping Policies on Sexual and Gender Based Harassment and Assault* oleh Toolkit for Universities in Turkey pada tahun 2019

sebanyak (41%) wanita telah merekodkan menjadi mangsa gangguan seksual dari segi fizikal dan seksual sekali dalam hidup mereka. Selain itu, 93% responden yang hampir kesemuanya wanita pernah mengalami gangguan seksual baik secara visual, lisan mahupun fizikal pada tahun 2015. Peredaran masa menjadi jumlah kes juga meningkat, menurut Kementerian Kehakiman Turki, terdapat 15,842 kes gangguan seksual pada 2019. (17%) daripada 3 kes, tertuduh didapati tidak bersalah, dalam (39.7%) kes pelaku dijatuhi hukuman dan dalam hampir (25%) kes, keputusannya adalah “ditunda,” yang lebih kurang sama dengan hukuman gantung. Sebuah kes dilaporkan pada 2021, seorang lelaki yang dikenali sebagai N.T telah menghantar mesej berbentuk gangguan seksual kepada kira-kira 260 wanita di Istanbul. Lelaki berusia 54 tahun itu dibebaskan dalam tempoh percubaan dengan alasan dia bosan dan sunyi ketika tempoh pandemik. Mangsa membuat aduan dengan menunjukkan video pornografi yang dikongsi oleh N.T dan mengatakan yang dia membuat aksi itu jika berjumpa dengan mangsa. Selain itu, Profesor Esin Davutoğlu Şenol juga telah menjadi mangsa gangguan seksual siber dengan menerima banyak komen berbaur lucah dan ugutan selepas dia mengaku dirinya seorang anti-vaksin di dalam sebuah rakaman rancangan television di Turki.

Jenayah gangguan seksual siber ini juga berlaku di negara jiran iaitu Indonesia. Menurut Komnas Perempuan data, sebanyak 659 kes gangguan seksual siber telah direkodkan sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2020. Jumlah tersebut telah meningkat dua kali ganda berbanding 2019 dengan 281 kes. Peningkatan laporan gangguan seksual siber oleh golongan lelaki. Corak dan konteks kes seperti fetisisme, swingers dan banyak lagi terma baharu. Selain itu, pekerja Indonesia juga masih berdepan gangguan seksual secara dalam talian ketika bekerja dari rumah. Survei oleh Southeast Asia Freedom of Expression Network (SAFE-net) dan Never Okay Project mendapati 86 daripada 315 responden telah menerima gangguan seksual siber ketika pandemik dan 68 responden mengatakan mereka mengetahui dan menjadi saksi rakan sekerja mereka menjadi mangsa gangguan seksual siber ini. Rata-rata gangguan berbentuk jenaka lucah, menerima gambar, video dan bunyi nota suara yang tidak senonoh. Menurut survei tersebut juga (94%) mangsa memilih untuk berdiam diri daripada melaporkan ke pihak atasan atau berkuasa. Perkara ini seharusnya dilaporkan dan tidak dinormalisasikan di dalam

sesebuah masyarakat namun, jika melihat kes Baiq Nuril Maknun pada tahun 2012 di mana dia sering menerima panggilan dan teks daripada majikannya dengan mengajaknya untuk melakukan seks dan akan menerangkan secara terperinci tentang adegan dan cara kepada Baiq. Baiq kemudian melaporkan kejadian itu dengan bukti sebanyak 50 rakaman telefon ke pihak atasan. Dia kemudian dipecat, dan di saman fitnah oleh Jabatan Pendidikan Tempatan. Pada tahun 2017, pelaku didapati tidak bersalah dan Baiq gagal dalam rayuan terakhirnya dan Mahkamah Agung negara itu menjatuhkan hukuman penjara enam bulan dan memerintahkan baiq untuk membayar denda 500 juta rupiah sebanyak 147,394.53 Ringgit Malaysia.

Menurut Aprilia (2020), kes Baiq Nuril telah membincangkan sikap menghukum atau victim blaming yang terdapat di dalam masyarakat Indonesia ke atas isu gangguan seksual siber. Kebanyak pengguna media sosial menyalahkan Baiq serta mengecam dia di laman media sosial. Bukan itu sahaja sikap berat sebelah media seperti surat khabar dan berita menunjukkan bagaimana seorang mangsa gangguan seksual siber ditindas. Kepelbagaian fungsi media sosial telah menarik pelbagai lapisan masyarakat untuk menggunakan media baharu ini. Golongan wanita terutamanya pelajar universiti yang kerap menggunakan media sosial ini akan lebih mudah menjadi sasaran serta mangsa kepada gangguan seksual siber ini. Jenayah seksual siber menjadi masalah utama dalam kalangan masyarakat dan media sosial berperanan penting dalam menyebarkan budaya negatif ini. Menurut Mohd Khairie Ahmad (2020) menyatakan jenayah gangguan seksual dalam talian ini merujuk kepada sebarang tindakan atau aktiviti yang berbaur seksual kepada seseorang tanpa kerelaan atau keinginan penerima. Selain itu, terdapat tindakan lain seperti menyebarkan gambar atau video bekas kekasih atau rakan kerana berdendam (*revenge porn*), memberi ugutan rogol, menghujani individu dengan sejumlah mesej, video, nota suara yang besar secara berterusan serta menghantar kandungan berbentuk seksual kepada seseorang yang tidak menginginkannya.

Malahan, Malaysia juga tidak terlepas daripada kes-kes gangguan seksual siber. Pada tahun 2021 seorang pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Selangor didakwa melakukan gangguan seksual siber dan mengganggu pelajarannya. Menurut Raveena Nagotra (2021) mangsa telah menceritakan pengalamannya kepada wartawan Malaysiakini. Mangsa Sofia menceritakan bahawa pensyarah

berkenaan sering menghantar pesanan melalui WhatsApp dengan mengajaknya keluar *dating*. Mangsa kedua Farah pula telah menceritakan bahawa pelaku sering meluahkan kata-kata yang kurang selesa dan berbaur lucah. Menurut sumber juga, pelaku yang didakwa akan mengundang pelajar perempuan untuk makan malam atau memberikan bunga dan barang-barang lain, termasuk pakaian dalam, sebagai hadiah. Pelaku terbabit juga pernah menawarkan untuk membeli kondom kepada bekas pelajarnya pada sambutan ulang hari jadi bagi melakukan seks yang selamat pada masa akan datang.

Platform berasaskan Internet menyajikan tempat baharu yang penting untuk mendidik dan memberikan pengetahuan tentang pendidikan gangguan seksual siber. Ini termasuk pengetahuan mengenai gangguan seksual siber. Rata-rata pengguna media sosial pada hari ini terdedah dengan pengetahuan asas mengenai bentuk, cara dan ciri yang mampu ditakrifkan sebagai gangguan seksual siber. Namun, masih ramai pengguna media sosial yang melakukan tindakan yang mampu menjadi gangguan seksual siber. Pada tahun 2021 sebuah kes telah menarik perhatian pihak media serta masyarakat apabila Ain Husniza pelajar tingkatan 5 di SMK Puncak Alam telah menjadi mangsa gangguan seksual siber seperti diugut rogol, menerima komen-komen lucah berkenaan bentuk badannya selepas memuat naik video TikTok yang membincangkan tentang gurunya yang telah membuat jenaka lucah semasa mengajar kelas pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial (PEERS) di aplikasi TikTiknya. Gangguan seksual siber ini juga terjadi kepada Yang Berhormat Young Syefura Othman yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ketari, Pahang pada tahun 2017. Video beliau mengedar buah kurma di bazar ramadan di Batu 9, Cheras telah mendapat komen-komen lucah golongan lelaki yang mendatangkan rasa kesal dan amarah beliau. Gangguan ini juga terjadi kepada kaum lelaki. Pada tahun 2018, seorang pengguna media sosial Twitter telah memuat naik sekeping gambarnya memakai persalinan watak animasi Spiderman dengan aksi watak tersebut iaitu mecangkung lalu gambar ini mendapat komen lucah tentang alat sulit dan struktur badannya daripada golongan wanita di ruangan komen.

Menurut All Women's Action Society (AWAM) terdapat dua kes yang dilaporkan oleh staf di pusat kuatrintin di talian bantuan mereka semasa pandemik

berlaku pada tahun 2020. Seorang mangsa membuat aduan dia menerima gambar haiwan sedang melakukan hubungan seks oleh majikannya. Bagi mangsa kedua pula dia telah membuat aduan bahawa gambarnya telah dikongsikan di dalam Whatsapp group chat tanpa izinnnya. Berdasarkan kes-kes yang dinyatakan, wanita yang menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber terbuka untuk membuat aduan daripada berdiam diri. Namun, mereka lebih cenderung untuk membuat aduan kepada organisasi sokongan seperti AWAM kerana lebih didengari dan mendapat mengesahkan emosi serta situasi mereka. Jelas kelihatan bahawa isu dan masalah jenayah gangguan seksual siber ini telah berleluasa di setiap negara tidak terkecuali Malaysia. Dengan pelbagai aplikasi-aplikasi di alam maya yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan ini mengingatkan lagi peratusan jenayah ini dari berlaku. Namun begitu, tidak semua masyarakat terumatannya pengguna media sosial memandang isu ini sebagai hal yang serius dan bahaya di negara ini.

KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan kualitatif ialah kaedah penyelidikan yang mengumpul data bukan berangka. Lazimnya, ia melangkaui maklumat yang disediakan oleh penyelidikan kuantitatif kerana ia digunakan untuk mendapatkan pemahaman tentang sebab, pendapat dan motivasi asas. Kaedah penyelidikan kualitatif memberi tumpuan kepada pemikiran, perasaan, sebab, motivasi, dan nilai seorang responden, untuk memahami mengapa orang bertindak mengikut cara yang mereka lakukan. Di dalam kajian ini seramai 18 orang informan telah ditemu bual melalui kaedah kumpulan fokus yang mana ianya dijalankan secara 3 bentuk kumpulan fokus. Umur informan adalah 18 sehingga 30 tahun. Informan yang dipilih dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada faktor tahap risiko yang mana menurut Siti Zailah (2022) remaja berumur 18 tahun ke atas mudah menjadi sasaran kepada gangguan seksual. Selain itu, lokasi yang dikaji ialah Lembah Klang secara khususnya adalah di kawasan Petaling, Shah Alam dan Kuala Lumpur. Tujuan memilih kawasan ini adalah kerana menurut, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff (2022) Lembah Klang telah merekodkan kes gangguan seksual yang tertinggi berbanding lokasi-lokasi lain.

Proses pengumpulan data bermula semasa kumpulan fokus dijalankan. Sebagai proses pertama, para informan telah dikenal pasti lebih awal dan janji temu telah ditetapkan dengan mereka. Ketika menjalankan pengumpulan data, para informan telah diberi penerangan mengenai tujuan kajian dan juga etika kajian sepanjang proses ini dijalankan. Selepas mendapatkan persetujuan penglibatan semua informan, maka pengkaji telah ajukan soalan-soalan yang telah ditetapkan iaitu soalan berbentuk separa struktur. Catatan juga telah diambil bagi setiap maklumat yang berpotensi membantu kajian dan semua perbualan dirakam melalui peranti perakam. Di akhir perbincangan, pengkaji mengucapkan terima kasih kepada informan kerana sudi memberi kerjasama dan mengambil bahagian di dalam kajian ini yang mengambil masa lebih kurang satu jam tiga puluh minit. Data yang dirakam telah ditranskripkan untuk proses penganalisan. Proses penganalisan dijalankan untuk mencari tema dan makna berdasarkan objektif kajian.

PROFIL INFORMAN KUMPULAN FOKUS

Berdasarkan Jadual 1 sebanyak 3 Kumpulan Fokus telah dijalankan yang melibatkan seramai 18 orang informan yang mana 5 adalah informan lelaki (27.7%) dan perempuan seramai 13 orang (72.2%). Dari taburan etnik, Melayu adalah seramai 15 orang (83.3%), Cina seramai 2 orang (11.1%) dan India 1 orang (5.6%). Majoriti informan adalah berstatus belum berkahwin iaitu seramai 16 orang (88.8%) dan telah berkahwin adalah seramai 2 orang (11.1%). Dari segi tahap pendidikan, sebahagian besar informan mempunyai sarjana iaitu 12 orang (66.6%), manakala selebihnya mempunyai kelulusan diploma seramai 6 orang (33.3%). Bagi taburan lokasi di Lembah Klang pula terdapat 6 informan dari setiap daerah iaitu Petaling, Shah Alam dan Kuala Lumpur.

JADUAL 1. Perincian profil informan kumpulan fokus

Kumpulan 1	Etnik	Jantina	Umur	Daerah	Status	Tahap Pendidikan
Informan 1	Melayu	Lelaki	22	Petaling Jaya	Bujang	Diploma
Informan 2	Melayu	Lelaki	23	Shah Alam	Bujang	Sarjana
Informan 3	Melayu	Lelaki	22	Kuala Lumpur	Bujang	Sarjana
Informan 4	Melayu	Perempuan	25	Shah Alam	Bujang	Sarjana
Informan 5	Melayu	Perempuan	25	Petaling Jaya	Bujang	Sarjana
Informan 6	Melayu	Perempuan	30	Kuala Lumpur	Sudah berkahwin	Sarjana
Kumpulan 2						
Informan 7	Melayu	Lelaki	30	Kuala Lumpur	Bujang	Sarjana
Informan 8	Cina	Lelaki	24	Shah Alam	Bujang	Sarjana
Informan 9	Melayu	Perempuan	25	Shah Alam	Bujang	Sarjana
Informan 10	Cina	Perempuan	24	Petaling Jaya	Bujang	Diploma
Informan 11	Melayu	Perempuan	24	Petaling Jaya	Bujang	Diploma
Informan 12	Melayu	Perempuan	25	Kuala Lumpur	Bujang	Sarjana
Kumpulan 3						
Informan 13	Melayu	Perempuan	25	Petaling	Bujang	Sarjana
Informan 14	Melayu	Perempuan	18	Petaling	Bujang	Diploma
Informan 15	Melayu	Perempuan	25	Kuala Lumpur	Bujang	Sarjana
Informan 16	Melayu	Perempuan	25	Shah Alam	Bujang	Diploma
Informan 17	India	Perempuan	30	Shah Alam	Berkahwin	Diploma
Informan 18	Melayu	Perempuan	25	Kuala Lumpur	Bujang	Sarjana

PENGETAHUAN INFORMAN TERHADAP GANGGUAN SEKSUAL SIBER

Di bahagian ini, membincangkan tentang hasil dapatan mengenai pengetahuan para informan berkaitan takrifan gangguan seksual siber, golongan yang berisiko menjadi mangsa, organisasi yang menawarkan bantuan, serta pengetahuan informan mengenai undang-undang di Malaysia yang mampu melindungi individu yang menjadi mangsa gangguan seksual siber.

PENGETAHUAN TENTANG GANGGUAN SEKSUAL SIBER

Gangguan seksual merujuk kepada sebarang perlakuan berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal, atas sebab yang munasabah setelah mengambil kira segala hal keadaan akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung, terhina atau terugut. Menurut para informan terdapat tiga takrifan yang boleh difahami dan dianggap sebagai maksud gangguan seksual siber iaitu (i) penggunaan kata-kata lucah. Menurut para informan gangguan seksual siber ialah satu perbuatan atau tindakan yang berkait dengan perbualan lucah atau menggunakan perkataan-perkataan lucah melalui dalam talian. Hal ini disokong dengan kenyataan para informan berikut;

“...gangguan seksual siber adalah gangguan yang menggunakan kata-kata yang lucah, menyebarkan maklumat sulit yang boleh jatuhkan maruah atau imej seseorang...”

“...komen-komen lucah atau guna perkataan lucah yang dihantar di laman media sosial...”

“...send perkataan lucah atau perbualan lucah yang boleh buat orang tak selesa di platform media sosial...”

Berdasarkan informan, perkataan lucah seperti memberi komen menyentuh sensitiviti seperti bentuk badan, ekspresi muka serta bahasa di dalam talian merupakan satu pemahaman gangguan seksual siber. Hal ini mendapati bahawa pengguna media sosial terdedah dengan komen lucah kerana ke semua media sosial menyediakan ciri-ciri untuk meninggalkan komen di setiap hantaran yang dibuat pengguna media sosial. Dengan mode tidak privasi sesiapa sahaja mampu meninggalkan komen, emoji dan reaksi. Namun, setiap media sosial pada masa kini membenarkan pengguna media sosialnya untuk menyekat atau menghadkan komen yang negatif

seperti komen lucah, *body shaming* dan sebagainya. Menyebut kata-kata lucah, perbualan berbau lucah atau membawa gangguan kepada kesantunan seseorang boleh disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan.

Dapatan takrifan kedua ialah (ii) pengirisan gambar dan video yang berbentuk seksual. Berdasarkan informan, pengirisan atau penerimaan gambar atau video yang berbentuk seksual di dalam talian merupakan adalah satu gangguan seksual siber. Hal ini boleh dilihat seperti berikut;

“...gangguan seksual siber boleh juga berlaku dalam bentuk visual seperti di gambar dan video...”

“...gangguan seksual siber adalah gangguan seksual melalui peranti elektronik. Contoh, gambar yang tersebar dan dijadikan tempat untuk memuaskan nafsu...”

“...send gambar private part dekat dm Twitter atau share video-video yang seksual di laman media sosial...”

Berdasarkan dapatan tersebut, mendapati menerima sebarang elemen berbentuk visual seperti gambar dan video lucah boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual siber. Gambar lucah dan video yang sering diterima pengguna media sosial ialah alat kemaluan, aktiviti masturbasi, dan bogel. Pengkaji mendapati aktiviti pengirisan gambar dan video lucah disebabkan ketagihan pornografi yang tinggi di dalam masyarakat terutama di laman media sosial seperti Twitter yang menjadi lubuk buat akaun-akaun lucah. Video dan gambar lucah tidak semestinya kepunyaan pelaku sendiri namun kadang kala sisipan video atau gambar dari akaun pornografi di Twitter. Ciri-ciri Twitter yang menyediakan butang retweet dan like memudahkan setiap pengguna Twitter dalam menyebarkan video dan gambar yang berbau lucah. Selain itu, dari segi keterbukaan menerima video atau gambar, Twitter merupakan laman media sosial yang membenarkan sesiapa sahaja untuk menghantar sebarang teks, gambar dan video di antara satu pengguna dengan pengguna lain. Tidak seperti Tiktok yang hanya membenarkan penggunaannya untuk menghantar mesej di antara pengikut sesama pengikutnya sahaja.

Selain itu, takrifan ketiga yang dikemukakan oleh para informan adalah berkaitan soalan *double meaning* atau makna ganda oleh seseorang individu. Makna ganda bermaksud perkataan yang digunakan mempunyai maksud lain selain maksud asal dan kebiasaannya membawa maksud lucah dan kotor. Dapatan menunjukkan, kebiasaannya seseorang itu akan memulakan sesuatu perbualan

dengan menanyakan soalan-soalan seperti “awak *open minded* tak”, “awak nak mandi” yang mana soalan-soalan ini dilihat seperti perkataan yang baik tetapi dalam konteks perbualan seseorang ia boleh membawa perbuatan seksual. Di Malaysia, segelintir pengguna media sosial sering salah menggunakan perkataan *open minded* ke arah lucah sedangkan bagi individu yang sering bertanyakan soalan seperti itu lebih sesuai dikatakan sebagai individu yang mempunyai *dirty minded* atau pemikiran kotor. Menurut Thaqib Shaker (2023) menerusi videonya yang bertajuk *Open Minded Bukan Cakap Lucah dan Pakai Seksi* di laman Youtube, menerangkan bahawa penggunaan ayat *open minded* sudah jauh tersasar pada maksud yang sebenar iaitu individu yang berfikiran jauh atau luas bukan seperti pemikiran kotor dan lucah.

“...saya rasa gangguan seksual ini bukan je tindakan seksual yang nampak terang menderang, tapi kadang-kadang tu soalan-soalan yang boleh membawa kepada perbualan lucah juga bagi saya gangguan seksual siber...”

“...selalunya, lelaki akan Whatsapp tanya awak ‘open minded’ tak?, tak pun mereka akan tulis ayat macam ‘awak nak mandi?’...”

“...soalan awak “open minded” ni memang akan lead to sexual questions...”

Berdasarkan maklumat informan, soalan-soalan di ruangan komen boleh diinterpretasikan dengan berlainan konteks. Pengkaji mendapati bahawa tahap pengetahuan pengguna media sosial terutamanya generasi muda memahami maksud tersirat di sebalik pertanyaan seperti *open minded* boleh memberikan maksud yang seksual. Perkataan *open minded* ini dimaksudkan dengan keselesaan individu untuk berbual atau berbincang tentang perkara lucah atau seksual di laman media sosial. Namun begitu, disebabkan rata-rata pengguna media sosial pada masa kini terdedah dan mempunyai kefahaman tentang pertanyaan seperti ini, maka gangguan seksual siber boleh dihentikan atau pengguna media sosial mampu mengelakkan dari terus meneruskan perbualan jika mendapat pertanyaan dan soalan sebegini.

PENGETAHUAN TENTANG GOLONGAN BERISIKO MENJADI MANGSA

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian mengenai pengetahuan informan tentang golongan yang berisiko menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber. Dapatan menunjukkan, para informan memberikan pandangan bahawa semua lapisan

masyarakat boleh menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber kerana penggunaan media sosial dan teknologi pada masa kini kian meningkat tanpa mengira faktor demografi seseorang. Berdasarkan dapatan boleh dijelaskan dua golongan iaitu dewasa dan kanak-kanak yang terdedah kepada gangguan seksual siber. Pengguna media sosial dari kalangan dewasa tidak asing dari menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber. Menurut Mohd Khairie Ahmad (2020) sebanyak 301 kes yang mewakili 9.4 peratus aduan daripada golongan dewasa mengenai gangguan seksual siber. Hasil kajian mendapati golongan dewasa sama ada perempuan atau lelaki tidak terkecuali menjadi mangsa gangguan seksual siber.

Golongan dewasa yang lebih cenderung menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber kerana mereka ialah golongan yang majoriti pengguna media sosial pada masa kini. Menurut Mohd Khairie Ahmad (2020) golongan dewasa yang adalah mereka yang berumur di antara 18 sehingga 30 tahun. Maklumat ini juga disokong oleh Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, yang menyatakan beliau yang berusia 18 hingga 30 tahun kerap menjadi mangsa gangguan seksual siber. Golongan dewasa wanita tidak asing lagi dari menjadi mangsa kepada masalah ini. Atas sebab tertentu seperti bentuk badan boleh menyebabkan seseorang wanita dewasa itu menjadi mangsa. Selain itu, menurut perbincangan para informan golongan dewasa lelaki juga lebih kerap menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber pada hari ini. Menerusi maklumat informan boleh dilihat golongan dewasa lelaki terdedah dengan gangguan seksual siber ketika di dalam permainan dalam talian. Permainan dalam talian secara langsung ini membolehkan pengguna lain untuk memberikan komen serta reaksi kepada streamer. Namun, informan juga menyatakan bahawa masyarakat menganggap gangguan seksual siber yang berlaku ke atas lelaki tidak satu isu yang serius dan perkara biasa berbanding gangguan seks ke atas wanita. Hal ini dibuktikan melalui kenyataan para informan seperti berikut;

“...wanita dewasa usually jadi mangsa kalau gangguan seksual siber sebab kebanyakan pelaku adalah dari golongan lelaki...”

“...bagi saya golongan dewasa lebih terdedah sebab kita banyak mengguna media sosial so potensi jadi mangsa lebih tinggi...”

“...saya banyak juga baca komen-komen lucah ketika saya sedang stream online gaming tapi kebanyakan penonton lain ignore je, tiada pun yang cakap apa-apa...”

“..ramai mangsa gangguan seksual siber daripada kaum lelaki tapi sebabkan kita selalu lihat isu ini dikaitkan dengan wanita, maka kes melibatkan lelaki masyarakat tak hirau sangat. Baru-baru ini segelintir wanita beri komen-komen soft porn dekat gambar lelaki berbasikal. Komen seperti saiz Asia kekal semangat dan ia sangatlah mengganggu saya sebagai seorang lelaki...”

“...komen-komen lucu ini bukan sahaja mengganggu malahan bagi saya buat saya jadi lebih self conscious tentang badan saya. Saya rasa masyarakat lupa yang lelaki juga ada perasaan malu, insecure dan tak selesa dengan perkara begini...”

Selain itu, Menurut United Nations Children’s Fund (Unicef) (2022), sekurang-kurangnya 4% kanak-kanak, berumur antara 12 dan 17, yang menggunakan Internet di Malaysia tertakluk kepada eksploitasi dan penderaan seksual dalam talian. Aktiviti ini termasuk diperas untuk terlibat dalam aktiviti seksual, imej seksual mereka dikongsi tanpa kebenaran, atau dipaksa untuk terlibat dalam aktiviti seksual melalui janji wang atau hadiah. Berdasarkan maklumat informan, golongan kanak-kanak juga menjadi sasaran kepada gangguan seksual siber pada akhir-akhir ini tanpa mengira kedudukan seseorang individu. Sebagai contoh anak kepada seorang doktor terkenal juga pernah diganggu oleh pengguna media sosial dengan memberikan komen-komen yang tidak sepatutnya, walau pun bayi tersebut masih kecil. Para informan menjelaskan kebimbangan di dalam isu ini kerana pendedahan media sosial serta internet kepada golongan kanak-kanak semakin meningkat dan terdapat ramai pengguna media sosial pada masa kini terdiri daripada golongan kanak-kanak di bawah 12 tahun. Menurut informan, video seorang kanak-kanak menari di TikTok dan dipenuhi dengan komen-komen lucu telah membuktikan bahawa golongan kanak-kanak juga boleh menjadi mangsa. Justeru, setiap kanak-kanak yang mempunyai akaun media sosial sewajarnya dipantau oleh pihak ibu bapa atau penjaga. Hal ini kerana, media sosial yang ada pada masa kini mempunyai had umur buat setiap pengguna mereka bagi membuka akaun. Aplikasi seperti Facebook, TikTok, Instagram dan Twitter menghadkan umur pengguna mereka kepada 13 tahun ke atas, manakala Whatsapp pula menghadkan kepada 16 tahun ke atas. Had umur yang ditetapkan adalah bagi melindungi kanak-kanak daripada terdedah kepada jenayah siber yang salah satunya ialah gangguan seksual siber. Dengan peningkatan penggunaan media sosial di dalam golongan kanak-kanak, pihak berwajib seperti ibubapa dan penjaga seharusnya memainkan peranan penting dalam mengawasi setiap tindakan, komen dan bahan

yang di siarkan di laman media sosial golongan kanak-kanak ini. Hal ini boleh dilihat berdasarkan kenyataan para informan berikut;

“...saya ada lihat satu group dekat Facebook dan Telegram share gambar budak kecil dan bayi buat mereka melepaskan nafsu mereka...”

“...kalau tak silap anak Dr Amalina yang baru masuk usia 9 bulan pun terima komen lucu di Facebook. Segelintir rakyat Malaysia terkejut anaknya tidak bersunat namun komen yang diberikan tidak kena mengena dengan isu sunat malah membincangkan kemaluan anaknya...”

“...saya pernah lihat satu video di TikTok kanak-kanak menari tapi komen penuh dengan komen-komen yang tidak sesuai especially untuk bacaan budak yang baru 9 tahun macam tu...”

PENGETAHUAN TENTANG ORGANISASI MEMBERIKAN BANTUAN

Bahagian ini membincangkan dapatan mengenai pengetahuan informan tentang organisasi yang menawarkan serta menyalurkan bantuan kepada mangsa atau individu yang berdepan dengan gangguan seksual siber. Para informan menyebut Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai organisasi utama yang boleh dirujuk mengenai isu gangguan seksual siber. PDRM adalah pasukan polis kebangsaan dan persekutuan beruniform yang merupakan organisasi berpusat di Malaysia. Hal ini boleh dilihat seperti berikut;

“...saya rasa kalau nak cepat and tidak tahu mengenai organisasi lain boleh buat laporan kepada PDRM je...”

“...saya rasa polis la as main help you get if you’re in trouble termasuk if you jadi mangsa kepada gangguan seksual siber...”

“...kalau saya saya buat report kat polis je la sebab memang kita tahu yang itu organisasi yang bertujuan untuk lindungi rakyat...”

Berdasarkan maklumat informan, pengkaji mendapati bahawa sebagai rakyat Malaysia mereka mempercayai bahawa PDRM merupakan satu badan kerajaan yang mampu melindungi serta memberikan keselamatan kepada mereka. Berdasarkan perbualan dengan para informan, pengkaji mendapati bahawa informan yang tidak mempunyai pengetahuan dalam jenis organisasi yang boleh dirujuk mengenai isu gangguan seksual siber tetapi akan memilih PDRM kerana lebih mudah dan cepat. PDRM yang mempunyai balai di setiap lokasi negeri dan daerah memberikan kemudahan kepada mangsa untuk melakukan aduan dengan pantas sejurus menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber.

PENGETAHUAN TENTANG UNDANG-UNDANG TERDAPAT PERBUATAN GANGGUAN SEKSUAL SIBER

Hasil kajian menunjukkan hanya segelintir informan sahaja mengetahui tentang undang-undang dan menamakan Akta Komunikasi & Multimedia 1998. Pada awal permulaan perbincangan dengan para informan, pengkaji beranggapan bahawa informan yang mempunyai tahap pendidikan lebih tinggi akan mempunyai tahap pengetahuan yang baik tentang undang-undang yang dapat melindungi mangsa gangguan seksual siber. Namun pengkaji mendapati informan yang mempunyai tahap pendidikan sarjana dan diploma mempunyai kesamaan di dalam pengetahuan tentang undang-undang kerana para informan tidak tahu tentang undang-undang yang boleh digunakan untuk isu-isu seperti gangguan seksual siber. Hal-hal ini boleh dilihat seperti berikut;

“...sejujurnya saya tidak tahu...”

“...tidak tahu tentang undang-undang mana...”

“...akta-akta seperti Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia yang boleh melindungi kita sebagai pengguna media sosial daripada gangguan seksual siber...”

“...saya rasa saya banyak mendapat pengetahuan tentang isu seperti ini daripada infografik yang disediakan di media sosial. Infografik yang lengkap dengan maklumat penting mampu memberikan pendedahan yang baik kepada masyarakat terutamanya pengguna media sosial. Menurut pembacaan saya gangguan seksual siber boleh disabit di bawah undang-undang seperti Akta Komunikasi dan Multimedia...”

Berdasarkan maklumat informan, mereka masih boleh menyatakan bahawa Akta Komunikasi & Multimedia 1998 yang boleh dirujuk khusus buat isu gangguan seksual siber di negara ini. Dengan peningkatan media sosial dan pelbagai urusan melalui internet, pengkaji berpendapat bahawa setiap individu wajar mengetahui secara asas perlindungan atau isi kandungan akta ini agar dapat membantu diri, kenalan malah masyarakat dari jenayah siber. Selain itu, menerusi maklumat informan, infografik mampu meningkatkan pengetahuan para pengguna media sosial kerana infografik yang menarik dan lengkap dengan maklumat bukan sahaja mampu menarik minat individu untuk membacanya malah sekaligus meningkatkan tahap pengetahuan mereka. Pengkaji mendapati bahawa jika infografik atau poster yang menarik dapat memberikan pengetahuan serta memberikan pendedahan kepada masyarakat dengan baik maka, sewajarnya pihak berwajib

seperti sekolah, universiti dan tempat awam mengambil inisiatif untuk meletakkan infografik ini dengan tujuan dan harapan agar dapat memberikan maklumat baharu kepada masyarakat.

SIKAP INFORMAN TERHADAP GANGGUAN SEKSUAL SIBER

Dalam bahagian ini membincangkan mengenai sikap para informan atas gangguan seksual siber. Pada pandangan Muhammad Adnan, Fauziah & Akmar Hayati (2020), sikap secara umumnya merujuk kepada tingkah laku dan emosi seseorang individu. Menurut Pekrun (2021) pula, membaca daripada teks dapat menunjukkan emosi yang berbeza daripada setiap individu. Setiap individu mendokumentasikan interaksi emosi, ciri teks secara berlainan dan proses membaca memberi kesan kepada pemerolehan pengetahuan, perubahan konseptual, dan perubahan sikap. Beberapa dapatan telah diutarakan oleh para informan. Antaranya ialah sikap marah dan sedih. Para informan meluahkan emosi yang bercampur baur ketika membaca atau melihat perkongsian tentang isu gangguan seksual siber ini. Emosi juga boleh menjadi penggerak sikap dan tingkah laku individu. Oleh itu, emosi memainkan peranan utama dalam cara individu mengubah sikap dan tingkah laku. Berdasarkan maklumat informan, emosi marah dan sedih bercampur sering menjadi emosi yang pertama sekali yang dirasakan ini kerana mereka geram akan tindakan pelaku kepada mangsa dan seterusnya berasa sedih kepada mangsa. Dengan emosi yang membangun daripada marah kepada sedih ini menunjukkan para informan lebih cenderung untuk melihat tingkah laku pelaku terlebih dahulu untuk diikuti dengan impak kepada mangsa. Oleh kerana corak emosi pengguna media sosial kebiasaannya begitu, maka setiap kali mereka membaca mengenai kisah atau perkongsian berkenaan gangguan seksual siber mereka lebih cenderung untuk melihat ‘apakah tingkah laku’ atau apakah ‘jenis gangguan seksual siber’ yang diterima oleh mangsa terlebih dahulu berbanding melihat impak atau kesan kepada mangsa.

Dapatan kedua berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan ialah, sikap menghukum mengikut pengalaman atau kefahaman setiap individu di dalam sebuah peristiwa yang akhirnya membawa kepada sikap menghukum. Menurut Arvydas (2020) sikap dipengaruhi oleh pengalaman terkumpul dalam jangka masa yang lama serta

dinyatakan dalam situasi tertentu sebagai satu set kepercayaan individu, perasaan positif atau negatif dibentuk daripada pengalaman lepas. Menurut informan 5 yang mempunyai satu perasaan negatif terhadap golongan lelaki yang berpakaian atau menunjukkan sisi islamik mereka kerana beliau banyak membaca tentang pelaku gangguan seksual yang berpakaian sebegitu di media sosial. Maka, dengan pengalaman itu, informan telah mempunyai sikap menghukum lebih awal terhadap setiap individu yang mempunyai persamaan dari segi pakaian atau sisi islamik. Malah sikap ini juga telah memberi impak kepada informan untuk berasa paranoid dan takut ketika berhadapan dengan mereka. Setiap individu mempunyai hak untuk bersikap berhati-hati di dalam menjaga keselamatan diri mereka namun, sikap menghukum ini seharusnya tidak boleh memukul rata setiap individu hanya kerana mereka termasuk di dalam satu kategori yang mungkin sama dengan pengalaman negatif seseorang. Pengkaji juga berpendapat bahawa pengulangan peristiwa yang melibatkan jenis atau golongan individu yang mempunyai kesamaan mungkin dapat menghasilkan satu stereotaip terhadap seseorang.

Seterusnya, menurut informan 9 pula mempunyai sikap menghukum kepada mangsa setiap kali membaca perkongsian di media sosial. Informan mungkin merasakan mangsa mungkin mempunyai silap dan kesalahan yang membolehkan dia menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber. Kebanyakan masyarakat atau pengguna media sosial sering kali mempunyai sikap sebegini. Pertanyaan seperti ‘pakai baju apa semasa sampai boleh kena?’ ‘masa tu di mana?’ ‘apa aktiviti ketika itu?’ yang disoalkan kepada mangsa seolah-olah mencari kesalahan mangsa berbanding menyoal sebarang soalan berkaitan dengan pelaku, bentuk gangguan seksual siber yang diterima atau kesan kepada mangsa. Namun, informan juga bersetuju dengan setiap sikap dapat diubah dengan pengetahuan yang baharu diterima. Pengetahuan yang diterima dapat mengubah tingkahlaku serta sikap kita sebagai manusia terhadap sesuatu perkata. Pada pandangan pengkaji sikap menghukum tidak salah untuk dipraktikkan kerana setiap situasi dan peristiwa yang berlaku pasti adanya sisipan kisah lain yang berlain konteks namun, sikap menghukum sewajarnya tidak menyakiti perasaan dan mengganggu individu lain.

Dapatan lain adalah, sikap *toxic masculinity* di dalam masyarakat kepada mangsa lelaki. *Toxic Masculinity* muncul sebagai istilah utama dalam

vernakular feminis popular pasca feminis yang baru ini, menganggap seksisme sebagai kelemahan watak sesetengah lelaki. Istilah ini telah membentuk perbualan tentang Trumpism dan gerakan #MeToo (Bo Nilsson & Anna Sofia Lundgren, 2020). Menurut Morali (2021) salah tanggapan yang timbul daripada masyarakat heteronormatif, dan salah satu cabarannya ialah cuba mendapatkan imej yang tepat tentang penganiayaan lelaki secara seksual. Salah tanggapan seperti ‘adalah mustahil untuk lelaki mempunyai pengalaman seksual yang tidak diinginkan dengan wanita’ atau ‘lelaki sentiasa mahukan seks’ menjadikan mangsa lelaki lebih tidak mahu mendedahkan hubungan seksual yang tidak diinginkan atau serangan seksual. Kenyataan ini disokong oleh informan. Ia dinyatakan oleh informan berikut;

“...ya, toxic masculinity membuat mangsa lelaki berfikir lelaki adalah individu yang kuat dan tidak boleh disakiti. Oleh itu, mangsa-mangsa ini berasa mereka tidak cukup ‘kuat’ seperti lelaki-lelaki lain...”

Menurut Bo Nilsson & Anna Sofia Lundgren (2020) lelaki yang tidak memenuhi piawaian norma masyarakat boleh membawa kepada tingkah laku bermasalah seperti gangguan seksual, pencerobohan, atau bahkan serangan seksual. Perasaan menyalahkan diri sendiri dan isu kredibiliti adalah satu lagi penjelasan mengapa mangsa lelaki memutuskan untuk tidak bersuara. Stigma masyarakat, norma budaya dan stigma homoseksualiti bertindak sebagai penjana pemangkin yang menghalang mangsa lelaki daripada mendedahkan keganasan seksual yang dialami (Morali, 2021). Menurut Grewal (2020) apabila lelaki berpegang teguh kepada norma yang menggalakkan mereka untuk tidak berkongsi emosi mereka boleh menghasilkan kesihatan mental yang buruk terutamanya gejala seperti kemurungan. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) lelaki lebih sukar untuk menunjukkan simptom gangguan kesihatan mental berbanding wanita. Lelaki juga cenderung untuk menekan perasaan mereka dan melepaskan kemarahan atau kesedihan mereka dalam bentuk tingkah laku lain seperti keganasan, dadah, alkohol dan bunuh diri. Kenyataan ini disokong informan berikut;

“...sebagai lelaki saya rasa toxic masculinity ini memberikan impak kepada kesihatan mental lelaki. Menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber sememangnya memberikan kesan yang mendalam kepada mangsa tidak kira jantina. Namun, empati dan simpati yang diberikan oleh masyarakat selalunya berbeza, mereka lebih perhatian kepada mangsa wanita berbanding lelaki...”

Para informan lelaki telah membincangkan *toxic masculinity* menyebabkan ramai mangsa kepada gangguan seksual siber tidak ke hadapan dan membuat aduan ke pihak polis kerana rasa malu dan tekanan masyarakat terhadap jantina mereka yang seharusnya kuat dan boleh dianggap sebagai lelaki homoseksual jika mereka menolak sebarang ajakan, perbualan dan tindakan yang seksual kerana golongan lelaki telah sinonim dengan perkara sebegitu. Pemikiran tradisional seperti 'lelaki hanya memikirkan perkara seksual' dan 'bukan lelaki sejati' telah mewujudkan satu impak yang besar terhadap golongan lelaki bukan sahaja telah meletakkan stereotaip yang negatif kepada mereka malah telah menghasilkan satu situasi yang berat sebelah. Situasi berat sebelah atau bias kepada mangsa lelaki jika mereka mahu membuat aduan dan pihak berkuasa atau kenalan malah pengguna media sosial mengecam dan mengetawakan tindakan mereka.

Selain itu, kekangan yang ditetapkan oleh norma jantina adalah berbahaya, kerana dapat mengehadkan keperibadian dan kepelbagaian sesiapa sahaja dan menyebabkan kebimbangan utama dalam individu. Berdasarkan maklumat informan juga menyentuh impak *toxic masculinity* yang memberikan kesan kepada kesihatan mental kaum lelaki. Mangsa lelaki yang tidak membuat aduan dan hanya berdiam diri akan menyebabkan mereka lebih tertekan dan trauma. Menurut informan 8, sikap ini membolehkan mangsa tidak bergantung kepada sesiapa dan hanya memendam. Pemikiran yang memandang golongan lelaki seharusnya kuat dan dianggap lembik sekiranya terlibat dengan masalah kesihatan mental ini juga memberikan kesan kepada kalangan lelaki untuk meluahkan perasaan serta emosi mereka. Pengkaji mendapati bahawa setiap informan lelaki berasa kecewa dengan sikap *toxic masculinity* yang diterapkan di negara ini. Namun, dengan peningkatan pengetahuan generasi muda masa kini, boleh lihat corak pemikiran ini telah dapat dibendung dan berjaya diubah, mungkin hanya sedikit peratusannya namun pengkaji berharap budaya toksik yang mampu memberi impak kepada emosi, fizikal serta mental kepada golongan lelaki ini dibendung pada masa akan datang.

Dapatan seterusnya adalah sikap empati. Menurut Arbel (2021) sikap empati membolehkan kita berkongsi emosi dan memahami keadaan

mental dan afektif orang lain. Walaupun definisi empati mungkin berbeza-beza, salah satu objektif utama keupayaan empati adalah untuk dapat bertindak balas terhadap keadaan emosi orang lain untuk mengurangkan kesusahan orang itu. Menurut informan, setiap pengguna media sosial seharusnya mempunyai sikap empati mereka terutamanya di dalam isu gangguan seksual siber. Menurut informan 1 dan 2, kurangnya sikap empati yang ditonjolkan oleh pengguna media sosial seolah-olah memberikan pelepasan kepada pelaku daripada menerima hukuman yang setimpal. Dengan sikap peka dan memahami mangsa juga kita dapat memberikan mereka sokongan dari segi emosi dan moral. Setiap individu mempunyai cara dan masa tersendiri untuk mengendalikan perasaan dan emosi mereka ketika berhadapan dengan gangguan seksual siber. Menurut informan 8 dan 9, menjadi pendengar yang penuh dengan sikap empati adalah lebih penting kepada mangsa. Menurut pengkaji mendengar dan memahami situasi merupakan salah satu amalan yang sewajarnya di ambil oleh setiap pengguna media sosial jika terdapat ahli keluarga, kenalan malah sesiapa sahaja di media sosial yang menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber.

Selain itu, menurut pengkaji sikap empati juga dapat membuka ruang untuk masyarakat menghakiskan sikap *victim blaming* yang ada di dalam budaya negara ini. Dengan peningkatkan sikap empati yang baik maka, ramai mangsa dapat ke hadapan dan membuat aduan. Menurut Safe Together Institute (2020) empati bukanlah jalan kepada penyelesaiannya isu ini namun penting dalam membantu mangsa dari segi mental dan psikologi. Namun, pengkaji juga berpendapat sikap empati ini jangan disalah gunakan oleh pengguna media sosial demi untuk mendapatkan belas kasihan di media sosial. Setiap pengguna media sosial sewajarnya mempunyai sikap empati yang tinggi kerana setiap dari kita mempunyai emosi, situasi serta pengalaman yang berbeza maka, dengan cara memahami dan mengalami perkara itu dapat menambahkan pengetahuan kita. Validasi perasaan dan emosi mereka berkenaan situasi yang dihadapi sewajarnya diberikan oleh masyarakat terutamanya kenalan serta ahli keluarga rapat. Budaya *victim blaming* mampu dibendung dengan memperkasakan sikap empati yang tinggi di dalam masyarakat.

AMALAN INFORMAN TERHADAP TERHADAP GANGGUAN SEKSUAL SIBER

Di dalam bahagian ini, membincangkan hasil dapatan kajian mengenai amalan dan tindakan yang diambil oleh informan apabila mereka atau kenalan mereka terlibat dengan gangguan seksual siber. Bagi persoalan apakah tindakan yang diambil jika informan menjadi mangsa gangguan seksual siber, para informan menyatakan mereka akan membuat laporan kepada pihak penguatkuasa seperti PDRM. Hal ini boleh dilihat seperti berikut;

“...jika saya menerima direct message gambar yang mempunyai unsur lucah, saya akan mengambil tindakan dengan membuat aduan kepada pihak polis sebagai langkah keselamatan untuk diri saya...”

“...mungkin pada kali pertama dia melakukan seperti itu, saya akan berdiam dan tidak ambil tindakan. Namun jika yang semakin teruk saya akan membuat laporan polis terhadap orang tersebut...”

Berdasarkan kenyataan para informan dia atas, tindakan untuk melaporkan kepada pihak polis adalah bertujuan sebagai langkah keselamatan buat diri sendiri dan ia adalah satu inisiatif yang baik bagi melindungi diri dan dapat menakutkan pelaku kerana telah melibatkan pihak berkuasa. Namun ada juga informan menyatakan beliau hanya akan melaporkan kepada pihak polis jika gangguan seksual siber itu berulang-ulang kepadanya. Menurutnya, jika perkara itu hanya terjadi sekali sahaja maka, tiada tindakan yang akan diambil. Bagi pengkaji, tindakan ini mungkin terjadi kerana informan tidak mahu melalui proses membuat aduan yang kadang kala mengambil masa, duit dan tenaga.

Selain itu, hasil kajian mendapati para informan turut akan berkongsi hal gangguan tersebut kepada ahli keluarga mereka seperti kenyataan berikut;

“...saya akan memberitahu kakak saya...”

“...saya lebih selesa untuk memberitahu family kalau berkenan isu begini...”

Berdasarkan tindakan ini, pengkaji mendapati para informan lebih mempunyai kepercayaan yang tinggi kepada ahli keluarga. Oleh itu, mereka memilih untuk memaklumkan kepada ahli keluarga mereka jika mereka menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber. Justeru, ibubapa pada masa kini perlu lebih terbuka dalam mendengar masalah anak-anak mereka terutamanya berkaitan isu-isu seperti gangguan seksual siber.

Bagi persoalan kedua iaitu mengenai tindakan yang akan dilakukan dalam membantu rakan yang menjadi mangsa gangguan seksual siber, hasil kajian mendapati semua informan bersetuju untuk memberikan bantuan kepada rakan dengan cara sokongan emosi dan moral kepada mangsa. Hal ini dibuktikan melalui kenyataan para informan berikut;

“...jika kawan saya jadi mangsa gangguan seksual, first thing saya buat ialah dengar dulu tanpa perasaan menghukum dan memujuk atau menenangkan mangsa sebelum mencadangkan tindakan seterusnya...”

“...beri moral support kepada kawan saya dan tak mendesak dia untuk melakukan apa-apa tindakan. Sebab mungkin dia tengah takut dan masih trauma...”

Sokongan emosi boleh memberikan ruang yang selamat di mana mereka boleh merasa didengari, meluahkan perasaan, dan menyuarakan ketakutan, mengurangkan perasaan tertekan dan kesunyian. Sokongan emosi amat penting semasa tekanan dan kesedihan kerana ia menstabilkan keadaan mental penerima terhadap gangguan afektif, seterusnya membentuk daya tahan individu dalam menghadapi isu kesihatan mental. Menurut pengkaji, setiap individu mempunyai cara sendiri untuk mengendalikan dan menghadapi sebuah masalah maka, tindakan dan amalan yang selayaknya diambil ialah menjadi pendengar yang baik, penuh sikap empati serta tidak mempunyai sikap menyalahi mangsa. Menurut Health Cornell setiap individu mempunyai cara berlainan to memberi respon kepada gangguan seksual. Daripada perasaan maaf, kecewa, takut dan malu semuanya akan membawa kepada amalan dan tindakan yang berlainan.

KESIMPULAN

Salahlaku moral menerusi internet perlu dipandang serius oleh semua pihak. Dengan perkembangan teknologi internet yang begitu pesat, pengguna media sosial sewajarnya sentiasa ingat bahawa kegunaan internet untuk tujuan yang memanfaatkan dan bukan sebaliknya. Oleh yang demikian, adalah penting pengguna-pengguna internet khususnya pengguna media sosial menyemai dan memupuk kesedaran dalam diri masing-masing terhadap gangguan seksual siber. Sekiranya setiap pengguna media sosial mempunyai tahap pengetahuan, sikap dan amalan yang baik, maka salahlaku moral menerusi media sosial dapat dibendung. Selain itu, pihak yang bertanggungjawab dalam

memberikan kesedaran dalam isu gangguan seksual siber serta memberikan peluang serta ruang untuk mangsa ke hadapan dan membuat aduan yang sewajarnya kepada pelaku. Justeru dapatan kajian ini telah memberikan input penting kepada generasi masa kini untuk meningkatkan pengetahuan mereka. Walau bagaimanapun, untuk memperkukuhkan lagi ilmu baru dalam isu ini, masa akan datang kajian yang serupa juga boleh dijalankan di daerah lain selain Lembah Klang terutamanya di kawasan pedalaman bagi membolehkan penilaian secara menyeluruh dilakukan di seluruh Malaysia agar proses penambahbaikan dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada informan yang berusia 18 sehingga 30 tahun. Kajian lanjut boleh dilakukan dengan mengambil kira informan yang berusia lebih muda seawal pelajar sekolah rendah dan menengah. Mungkin permasalahan atau perspektif yang berlainan dapat dikesan pada informan selain daripada yang dinyatakan di dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Aichner. 2021. Twenty-five years of social media: A review of social media applications and definitions from 1994 to 2019. *Cyberpsychology, Behaviour, and Social Networking* 24(4): 215-222.
- All Women's Action Society (AWAM). 2020. Sexual Harassment - AWAM. All Women's Action Society. Diambil Julai 29, 2022, daripada <https://www.awam.org.my/awamresources/sexual-harassment/>
- Aprilia. 2020. The case of criminalized victim Baiq Nuril: A narrative case study of female representation in Indonesian media. *Journal of Gender Studies* 40(23): 123-142
- Arbel. 2021. Adaptive empathy: Empathic response selection as a dynamic, feedback-based learning process. *Frontiers in Psychiatry* 12: 1-11
- Arvydas. 2020. The theoretical aspects of attitude formation factors and their impact on health behaviour. *Sciend* 83(1): 15-36.
- Ashman Adam. 2022. Malaysians think sexual harassment biggest issue faced by women in country; over half in Ipsos survey say comments on physical looks unacceptable. Diambil Mac 13, 2023, daripada <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/03/09/malaysians-think-sexual-harassment-biggest-issue-faced-by-women-in-country/2046412>
- Bo Nilsson & Anna Sofia Lundgren. 2020. The #MeToo Movement: Men and Masculinity in Swedish News Media. *The Journal of Men's Studies* 29(1): 8-25
- Fatin Adha, Mohammad Rahim & Norruzeyati. 2020. Hubungan Kesukaran Meregulasi Emosi dan Tingkah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Perapatan kepada Komuniti sebagai Perantara. *Akademika* 90(2): 3-16
- Gianakos. 2020. #SpeakUpOrtho: Narratives of Women in Orthopaedic Surgery-Invited Manuscript. *Journal of the American Academy of Orthopaedic Surgeons*. 30(8):369-376.
- Grewal, A. 2020. The Impact of Toxic Masculinity On Men's Mental Health. Diambil Mac 13, 2023 https://digitalcommons.tacoma.uw.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1067&context=gender_studies
- Intan Suria. (2021). Keselamatan Peribadi di Facebook: Ancaman dan Penyelesaian. *Jurnal Komunikasi*. 37(1): 379-395.
- Isa. 2022. Apa Nak Jadi Dengan Malaysia Ni?" - Alvin Chong Dedah Sering Terima Gambar Kemaluan Lelaki, Perempuan & Budak Sekolah Di DM. Diambil Februari 22, 2023, daripada <https://gempak.com/berita-terkini/apa-nak-jadi-dengan-malaysia-ni-alvin-chong-dedah-sering-terima-gambar-kemaluan-lelaki-perempuan-bud-72373>
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. 2020. Kajian Pengguna Internet| Malaysian Communications And Multimedia Commission. MCMC. Diambil Februari 22, 2023, daripada <https://www.mcmc.gov.my/ms/resources/statistics/internet-users-survey#>
- McGlynn, C. 2021. *Cyberflashing: recognising harms, reforming laws*. Bristol UK: Bristol University Press
- Mohd Khairie. 2020. Gangguan seksual alam maya. Diambil Mac 13, 2023, daripada <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/09/758169/gangguan-seksual-alam-maya>
- Morali. 2021. Could Toxic Masculinity Be The Undercurrent Behind Social Ills? Diambil Februari 23, 2023, daripada <https://www.wikiimpact.com/could-toxic-masculinity-be-the-undercurrent-behind-social-ills/>
- Muhammad Adnan, Fauziah & Akmar Hayati. 2020. Pengetahuan, sikap, amalan terhadap privasi maklumat & keselamatan pembelian barangan dalam talian oleh golongan belia. *Jurnal Komunikasi* 38(4): 250-267.
- Norhayati & Suriati. 2021. Impak media sosial terhadap gangguan seksual atas talian dalam kalangan wanita muda. *GEOGRAFIA*. 17(3): 123-136.
- Parsons. 2021. Dating app Bumble launches campaign to make cyberflashing illegal in the UK. Diambil Mac 13, 2023 daripada <https://metro.co.uk/2021/11/03/dating-app-bumble-launches-campaign-to-end-cyberflashing-in-the-uk-15529135/>
- Pekrun. 2021. Emotions in reading and learning from texts: Progress and open problems. *Discourse Processes*. 59: 116-125.

- Peng, T.S., Novel, Khairuman & Zaki. 2021. The role of social media applications in palm oil extension services in Malaysia. *Akademika* 91(Isu Khas): 145-156.
- Pew Research Center. 2021. Social Media Use in 2021. Diambil Mac 13, 2023 daripada <https://www.pewresearch.org/internet/2021/04/07/social-media-use-in-2021/>
- Raveena Nagotra. 2021. Pensyarah UiTM didakwa buat gangguan seksual. Diambil Mac 13, 2023 daripada <https://www.malaysiakini.com/news/579466>
- Rema. 2020. Women docs sexually harassed during e-consultations, websites try to hide it. Times of India. Diambil Mac, 13, 2023 daripada <https://timesofindia.indiatimes.com/india/women-docs-sexually-harassed-during-e-consultations-websites-try-to-hide-it/articleshow/80001279.cms?fromapp=yes&from=mdr>
- Safe Together Institute. 2020. Empathy for victims isn't the answer (but it's important). Safe & Together Institute. Diambil Februari 22, 2023, daripada <https://safeandtogetherinstitute.com/empathy-for-victims-isnt-the-answer-but-its-important/>
- UNICEF. 2020. Estimating digital connectivity during the COVID-19 pandemic. Diambil Mac 12, 2023 daripada <https://data.unicef.org/resources/children-and-young-people-internet-access-at-home-during-covid19/>
- Muhammad Adnan Pitchan (Corresponding author)
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: adnan86@ukm.edu.my
- Norfara Faziera Moh Razali
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
E-mel: a182519@siswa.ukm.edu.my
- Jamaluddin Aziz
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
E-mel: jaywalk@ukm.edu.my